



KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025

BAHASA MELAYU

1103/1

Kertas 1

2 jam

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
4. **Buku jawapan** *hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

Bahagian A

[30 markah]

*Soalan ini mesti dijawab.**Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dompet digital.**Berdasarkan maklumat tersebut, tulis sebuah rencana tentang kepentingan dompet digital kepada masyarakat.**Panjangnya rencana anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*

KUALA LUMPUR: E-wallet atau dompet digital kini dilihat semakin popular dalam kalangan pengguna di negara ini yang menyaksikan teknologi itu mengubah cara pengguna melakukan pembayaran untuk produk dan perkhidmatan sama ada secara dalam dan luar talian. Antara dompet digital yang popular di negara ini adalah Boost, Grabpay dan Touch N Go di samping beberapa lagi jenama seperti WechatPay, Alipay, Maybank Pay, Samsung Pay dan lain-lain.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘E-Wallet Jadi Pemacu Ekonomi Digital’
oleh Sofyan Rizal Ishak
Harian Metro, 17 Jun 2019

Kepentingan Dompet Digital

- ✓ Mengurangkan jumlah wang yang perlu dibawa



- ✓ Boleh menyimpan segala rekod perbelanjaan



Bahagian B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

- 1 Semakin hari, kita dapat melihat krisis moral dan disiplin dalam kalangan pelajar semakin meruncing. Malah, ada masanya tingkah laku negatif mereka sudah melampaui batas, yang kadang-kadang tidak terjangkau oleh akal. Pelajar kita seolah-olah terbawa-bawa dengan perasaan sehingga hilang kawalan diri, mementingkan keseronokan dan berbangga dengan perkara yang dilakukan oleh mereka. Di sebalik pelbagai alasan yang diberi atau kononnya berselindung di sebalik sosiologi pendidikan, masalah disiplin melampau anak sekolah berlaku akibat hakisan 'budaya autokratik' sekolah.

Dipetik dan Diubah suai daripada
'Masalah Disiplin Pelajar: Kembalikan Kuasa Autokratik Kepada Sekolah'
oleh Dr. Abdul Mutalib Embong, Wan Nurhafa Wan Salam
<https://www.astroawani.com>, 3 Ogos 2024

Berdasarkan petikan di atas, huraikan faktor-faktor berlakunya masalah disiplin dalam kalangan pelajar di negara kita.

- 2 Ilmu pengetahuan membantu kita memahami dunia di sekeliling kita. Dengan mempelajari sains, sejarah dan bahasa, kita dapat memahami cara dunia berfungsi dan kita dapat berinteraksi dengan lebih baik. Menuntut ilmu merupakan perkara yang sangat penting dalam kehidupan kita kerana membawa banyak manfaat kepada individu dan masyarakat secara keseluruhannya. Tiga kepentingan menuntut ilmu dalam kehidupan ialah individu itu dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan, meningkatkan peluang kerjaya dan meningkatkan kualiti hidup.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Manfaat Menuntut Ilmu: Tingkatkan Pengetahuan dan Keterampilan Anda'
<https://mycerdika.com>

Ilmu pengetahuan memberikan banyak manfaat seperti yang telah dibincangkan dalam petikan. Huraikan manfaat menuntut ilmu kepada setiap individu.

- 3 Kemunculan pandemik Covid-19 yang tidak dijangka telah menyedarkan kita agar tidak mensia-siakan apa sahaja yang kita miliki sekarang. Isu keselamatan makanan telah menjadi topik hangat sejak krisis ini tercetus. Oleh itu, semua pihak perlu membuka mata bagi memastikan sektor ini diperkasa dalam kalangan generasi muda. Isu yang selalu timbul dalam usaha untuk memperkukuh keselamatan makanan ini ialah kekurangan minat dalam kalangan belia untuk menyertai sektor pertanian dan perikanan. Selain itu, penawaran gaji atau upah yang rendah menjadi penghalang kepada golongan muda untuk menceburi bidang ini di samping kurangnya pendedahan teknologi dalam pertanian.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Jadikan Sektor Pertanian Lebih Menarik untuk Belia'
oleh Sofea Azahar
<https://www.malaysianow.com>, 19 April 2021

Berdasarkan petikan di atas, jelaskan usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk menarik golongan muda menceburi bidang pertanian.

- 4 Sebagai negara yang rakyatnya terdiri daripada berbilang kaum dan etnik, perpaduan serta integrasi nasional memainkan peranan utama untuk mewujudkan negara yang aman, harmoni, dan makmur. Oleh hal yang demikian, semua pihak perlu menjalankan tanggungjawab untuk memastikan perpaduan dan integrasi nasional terus berkekalan. Marilah kita bersatu padu kerana dengan perpaduanlah kita mampu duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan negara-negara maju.

Dipetik dan diubah suai daripada
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5
Kementerian Pendidikan Malaysia

Petikan di atas menjelaskan negara yang aman, harmoni dan makmur dapat diwujudkan melalui perpaduan semua kaum.

Sebagai rakyat Malaysia, terangkan tanggungjawab yang perlu dilakukan oleh semua pihak untuk merealisasikan hasrat tersebut.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT



KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025

BAHASA MELAYU

1103/2

Kertas 2

2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi tiga bahagian: Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
5. **Buku jawapan** *hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan **dua kata majmuk dan dua kata hubung**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Wayang kulit merupakan teater tradisional yang memaparkan permainan cahaya dan bayang di permukaan kelir. Di Malaysia, gaya wayang kulit yang paling popular ialah Wayang Kulit Kelantan yang diamalkan terutamanya di daerah timur laut Kelantan serta di wilayah Patani di Selatan Thailand. Watak-watak wayang kulit ini dipersembahkan dengan menggunakan loghat Kelantan. Patung-patung wayang pula diukir di atas kulit (belulang) lembu. Persembahan Wayang Kulit Kelantan diketuai oleh Tok Dalang yang menjalankan tanggungjawab untuk memainkan patung-patung wayang kulit dengan cara menggerak-gerakannya di permukaan kelir yang disuluh cahaya. Kehebatan Tok Dalang terletak pada kemahiran menuturkan pelbagai gaya dan nada suara mengikut watak-watak yang ada dalam persembahannya.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Wayang Kulit Kelantan'
<https://pemetaan.budaya.jkkn.gov.my>
[8 markah]

- 2 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, **bina ayat tanya** berdasarkan ayat yang bergaris. Anda dikehendaki mengekalkan maksud dan struktur ayat tersebut.*

KERKRADE, 28 Julai – Puteri negara dari Sekolah Seri Puteri sekali lagi mengharumkan nama negara apabila berjaya meraih Anugerah Perak dalam 18th World Music Contest 2017 di Kerkrade. Pertandingan itu diadakan di sini bermula 19 Julai hingga semalam. Dalam pertandingan itu, seramai 57 orang ahli Orkestra Simfonik Sekolah Seri Puteri yang dinamai SPWinds telah mempamerkan persembahan terbaik yang melayakkan mereka untuk menerima Anugerah Perak. Kegigihan dan pengorbanan yang dilakukan oleh setiap ahli Orkestra Simfonik ini dalam mengukir nama negara di persada antarabangsa sewajarnya dicontohi oleh semua murid. Selain itu, guru penasihat SPWinds Puan Shahriyah binti Abdul Rashid berkata bahawa mereka telah menghadihkan kejayaan kepada Malaysia hampir setiap tahun. Rahsia kejayaan ahli Orkestra Simfonik ialah komitmen dan kerja keras para ahli dalam rejim latihan yang dijadualkan sepanjang tahun untuk mengasah bakat serta meningkatkan kemahiran mereka hingga dikagumi seperti pemain profesional.

Dipetik dan diubah suai daripada
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 3
Kementerian Pendidikan Malaysia
[6 markah]

- 3 Dalam bahan-bahan di bawah, terdapat pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

Bahan 1

JAWATAN KOSONG!

**PELUANG KERJAYA:
PEMBANTU TADIKA DIPERLUKAN SEGERA!**

Kami sedang cari individu yang berminat untuk menyertai pasukan kami sebagai pembantu tadika di sebuah institusi pendidikan berprestij. Jika anda seorang yang penyayang, sabar dan bersemangat mendidik kanak-kanak, inilah peluang untuk anda!

Kriteria yang diperlukan:

- ✓ Berumur 18 tahun ke atas
- ✓ Minimum kelulusan SPM atau setaraf
- ✓ Mempunyai sikap penyayang, penyabar, dan mesra dengan kanak-kanak
- ✓ Sanggup belajar dan bekerja untuk pasukan
- ✓ Pengalaman dalam bidang pendidikan lewat kanak-kanak adalah satu kelebihan (tidak wajib)

Cara Memohon:
Hantar resume anda ke alamat emel Arius@gmail.com
Tarikh tutup permohonan: 2 December 2025

Jom sertai keluarga kami serta jadikan pengalaman bekerja bersama kanak-kanak suatu yang bermakna!

[6 markah]

Bahan 2

Media sosial adalah medium komunikasi utama yang popular pada masa kini. Laman sosial yang sering digunakan ialah Facebook, WhatsApp dan Instagram. Para remaja-ramaja menggunakan medium ini untuk meluahkan perasaan, berkongsi maklumat peribadi, dan memuat naik gambar. Telefon pintar yang mempunyai capaian Internet memudahkan remaja mengemas kinikan maklumat mereka. Oleh hal yang demikian, mereka terdedah pada ancaman maya seperti kecurian data peribadi, buli siber, komplot Internet, gangguan seksual, dan penggodaman.

Dipetik dan diubah suai daripada

‘Keselamatan Media Sosial’

Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 1

Kementerian Pendidikan Malaysia

[5 markah]

- 4 *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Setelah sudah maka Kertala Sari pun dibawanya masuk menghadap Seri Betara. Maka sembah Patih Gajah Mada, “Adapun penjurit tujuh orang yang dititahkan oleh Paduka Betara pergi ke Melaka itu khabarnya sudah mati dibunuh oleh Laksamana ketujuhnyanya.”

“Sebermula negeri Melaka pun sedikit alah olehnya. Akan sekarang baharulah patik beroleh penjurit terlalu kepetangan; inilah penjuritnya. Kertala Sari namanya, anak Petala Bumi yang dipesan oleh bapanya kepada patik.”

Dipetik daripada
‘Kepimpinan Melalui Teladan’
antologi *Jaket Kulit Kijang Dari Istanbul’*
Kementerian Pendidikan Malaysia

[4 markah]

- 5 *Dalam petikan cerpen di bawah terdapat beberapa peribahasa. Senaraikan **tiga** peribahasa dan kemukakan **maksud** peribahasa tersebut.*

Tatkala tiba di jeti Kuala Tahan, kami mulai memunggah barang-barang ke dalam bot panjang yang akan membawa kami ke seberang. Ketika itu, hujan halau mentua pun turun. Kak long kelam-kabut cuba menyelamatkan beg sandangnya daripada terkena air hujan. Tanpa banyak soal, adik mengambil beg plastik yang agak besar lalu menyarungkan beg kak long ke dalamnya. Kak long berasa kagum dengan tindakan adik. “Wah, kecil-kecil cili padi!” kembang hidung adik dipuji kak long. “Itulah kak long. Kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapa.” sindir aku mengingatkan kak long tentang peristiwa semalam apabila kak long mentertawakan adik yang menggunakan wang simpanannya untuk membeli beg kalis air.

Kak long menjeling tajam lalu menjawab, “Ala, masalah kecil sahaja! Bukankah peribahasa ada mengingatkan, kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai?” “Tapi, kita bukannya hendak ke pantai. Taman negara mana ada laut, mana ada ombak!” sampuk adik. “Itu peribahasalah,” jelas kak long.

Dipetik daripada
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN

[35 markah]

- 6 Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

PUTRAJAYA – Kementerian Pelancongan hari ini memperkenalkan satu lagi inovasi sektor pelancongan, kempen '1Malaysia Green Tourism, 1Malaysia Clean' yang bertujuan untuk memupuk semangat cinta akan keindahan dan kebersihan dalam kalangan rakyat Malaysia, khususnya di tempat-tempat yang sentiasa menjadi tarikan pelancong tempatan dan luar negara. Kempen ini juga bertujuan meningkatkan kesedaran tentang implikasi terhadap industri pelancongan dan membuka minda setiap rakyat Malaysia agar sama-sama menjaga kebersihan dan memastikan negara kita sentiasa bersih dan indah. "Apa yang penting ialah *mengamalkan tabiat* dan sikap yang amat mudah iaitu memastikan sampah tidak dibuang di merata tempat, mengutip sampah jika ternampak di depan mata, tandas dibiarkan bersih setelah digunakan dan lain-lain," kata YB Dato' Sri Dr Ng.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kempen 1Malaysia Green Tourism, 1Malaysia Clean dilancarkan'
<https://motac.gov.my>

Bahan 2

Hotel Element Kuala Lumpur terletak di Menara Ilham yang ikonik. Hotel ini merupakan antara lokasi dengan kesedaran tentang kepentingan alam sekitar yang tinggi di ibu negara. Hotel ini sangat menarik kerana merupakan hotel pertama di Kuala Lumpur yang tidak menggunakan botol-botol air plastik serta mempunyai ciri mesra alam yang lain termasuklah sistem pengumpulan air hujan, lampu-lampu LED menjimatkan tenaga dan pemantau kualiti udara karbon dioksida dalam bangunan. Selain reka bentuk mesra alamnya, bilik-bilik yang direka indah di hotel bertaraf empat bintang itu disertakan dengan perkhidmatan yang menjanjikan penginapan selesa.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Anda Pentingkan Percutian Go Green?'
oleh Wais Qorni Azizan

Bahan 3



Dipetik daripada
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4
 Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *mengamalkan tabiat*. [2 markah]
- (ii) Merujuk **semua bahan**, nyatakan ciri-ciri pelancongan hijau. [3 markah]
- (iii) Pelancongan hijau merujuk kepada konsep pelancongan yang memberi fokus kepada amalan lestari dan mesra alam bertujuan mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar sambil memberi manfaat kepada masyarakat setempat.
- Pada pendapat anda, mengapakah pelancongan hijau sukar dilaksanakan di kawasan pelancongan popular di negara kita ? [3 markah]
- (iv) Kelab alam sekitar sekolah anda akan mengadakan lawatan ke tempat pelancongan yang berasaskan alam semula jadi pada minggu hadapan.

Sebagai Pengerusi Kelab Alam Sekitar, nyatakan langkah-langkah yang boleh anda lakukan bagi memastikan ahli kelab dapat menjaga kebersihan dan keindahan tempat yang bakal dikunjungi.

[4 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- 7 Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

PETALING JAYA – Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah menzahirkan ucapan selamat Hari Guru kepada semua warga pendidik atas ilmu dan jasa yang telah dicurahkan. Menerusi hantaran di Facebook Sultan Ibrahim Sultan Isandar, Seri Paduka Baginda bertitah, pengorbanan dan jasa warga pendidik harus sentiasa dikenang kerana peranan mereka begitu penting dalam membangun bangsa dan masyarakat. “Terima kasih kepada guru-guru yang pernah mendidik kami, ilmu dan bakti kalian akan sentiasa dikenang,” titah Seri Paduka Baginda berdua. Hari Guru yang disambut setiap 16 Mei adalah bagi menghargai dan mengiktiraf jasa warga pendidik di sekolah serta institut pengajian tinggi. Sambutan itu juga bertujuan meningkatkan kesedaran betapa pentingnya pendidikan dan peranan guru selain memberi peluang kepada pelajar, ibu bapa dan masyarakat menunjukkan penghargaan dan rasa terima kasih kepada mereka. Seorang guru akan membuka jalan kepada anak didiknya untuk mengharungi cabaran dalam kehidupan.

Dipetik dan diubah suai daripada
 ‘Pengorbanan Jasa Guru Harus Sentiasa Dikenang’
 oleh Harrith Hisham
<https://www.kosmo.com.my>, 16 Mei 2024

Bahan 2

Pantun Empat Kerat (Budi)

Terang bulan terang di paya,
 Anak kambing memakan rumput,
 Jika tak kenang kepada saya,
 Nama yang baik tidak tersebut.

Anak merak mati tersangkut,
 Mati dipanah Seri Rama,
 Resam di dunia juga disebut,
 Orang yang mati meninggalkan nama.

Anak itik terenang-renang,
 Air pasang tenang-tenangan,
 Budi sedikit bila kan hilang,
 Itu jadi kenang-kenangan.

Anak ikan berlima-lima,
 Mati ditimpa punggung berdaun,
 Kasih tuan saya terima,
 Sebagai hutang seribu tahun.

Dipetik dan diubah suai daripada
 antologi *Harga Remaja*,
 Tingkatan 4
 Kementerian Pendidikan Malaysia

| |
|----------------|
| Bahan 3 |
|----------------|

| | |
|--|---|
| <p>Guru Oh Guru</p> <p>Berburu ke padang datar Dapat rusa belang kaki Berguru kepala ajar Ibarat bunga kembang tak jadi</p> <p>Dialah pemberi paling setia Tiap akar ilmu miliknya Pelita dan lampu segala Untuk manusia sebelum jadi dewasa.</p> <p>Dialah ibu dialah bapa juga sahabat Alur kesetiaan mengalirkan nasihat Pemimpin yang ditauliahkan segala umat Seribu tahun katanya menjadi hikmat</p> <p>Jika hari ini seorang Perdana Menteri berkuasa Jika hari ini seorang Raja menaiki takhta Jika hari ini seorang Presiden sebuah negara Jika hari ini seorang ulama yang mulia Jika hari ini seorang peguam menang bicara Jika hari ini seorang penulis terkemuka Jika hari ini siapa sahaja menjadi dewasa; Sejarahnya dimulakan oleh seorang guru biasa Dengan lembut sabarnya mengajar tulis-baca.</p> | <p>Di mana-mana dia berdiri di muka muridnya Di sebuah sekolah mewah di Ibu Kota Di bangunan tua sekolah Hulu Terengganu Dia adalah guru mewakili seribu buku;</p> <p>Semakin terencil duduknya di ceruk desa Semakin bererti tugasnya kepada negara. Jadilah apa pun pada akhir kehidupanmu, guruku Budi yang diapungkan di dulangi ilmu Panggilan keramat “cikgu” kekal terpahat Menjadi kenangan ke akhir hayat.</p> <p style="text-align: right;">Sumber: Usman Awang, 1979</p> |
|--|---|

(i) Berdasarkan **Bahan 1**, nyatakan tujuan sambutan hari guru diadakan.

[2 markah]

(ii) Berdasarkan **setiap bahan**, nyatakan sebab kita perlu menghargai jasa seseorang guru.

[3 markah]

(iii) Guru memainkan peranan penting dalam pembangunan masyarakat kerana jasanya melahirkan modal insan yang berkualiti. Walau bagaimanapun, profesion seorang guru dipandang rendah dan tidak lagi dihormati oleh sesetengah pihak terutamanya ibu bapa.

Pada pendapat anda, mengapakah keadaan sedemikian berlaku?

[4 markah]

(iv) Orang tua anda sering mendapat bantuan daripada seorang individu pemurah disebabkan mereka mempunyai masalah kesihatan. Individu itu tidak pernah mengharapkan apa-apa balasan daripada orang tua anda.

Sebagai seorang anak yang ingin membalas jasa individu tersebut, apakah tindakan yang boleh anda lakukan?

[4 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

8 Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan novel *Tingkatan 4* dan *Tingkatan 5*.

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Kita tidak pernah tahu, setiap saat dalam dunia ni, beratus-ratus perkara berubah dengan sendirinya oleh peredaran waktu, kalau kita lambat, kita akan tertinggal di belakang.” Geetha telah pun meluruskan kepalanya. “Tak mengapa, saya pun bukannya bercita-cita nak jadi jurutera. Dulu, pada zaman sekolah rendah, apabila cikgu tanya nak jadi apa, saya akan jawab nak jadi ahli bomba. Apabila naik sekolah menengah pula, saya berubah nak jadi seorang doktor gigi, tapi entah bila dan bagaimana, tanpa saya rancangkan, saya memilih bidang kejuruteraan sewaktu mengisi permohonan masuk ke universiti. Tapi yang sebenar-benarnya, saya bercita-cita nak jadi seorang doktor bedah.” aku kagum. “Masa akan berubah dan menjadikan kita tak ada pilihan.” dia diam sejenak, menyenetkan kepalanya semula, menjeling buku di ribaanku, tetapi dia tidak bertanya tentang buku. “Apabila masa banyak mempengaruhi diri kita, kita semakin kecil,” dia menekur. “Eh, cerah tak cuaca hari ni?” aku memandang keluar. “Ya.” “Awak tahu tak, ayah saya dua kali dalam setahun ke Bangalore. Di India ada satu tumbuhan herba dipanggil Brahmi. Kitab purba kami memberitahu, kita minurn air lumatan Brahmi, ingatan kita kekal.”

Dipetik daripada novel *Jendela Menghadap Jalan*
oleh Ruhaini Matdarin,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Berdasarkan petikan novel di atas, nyatakan jawapan yang akan diberikan oleh Geetha saat ditanya berkaitan cita-citanya.

[4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:
- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
 - (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
 - (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
 - (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
 - (e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
 - (f) Tirani karya Beb Sabariah
 - (g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
 - (h) Silir Daksina karya Nizar Parman.

Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, jelaskan **dua** peristiwa yang tidak wajar dicontohi oleh pembaca.

[6 markah]

BAHAGIAN C: RUMUSAN

[30 markah]

- 9 *Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal bahan.*

Bahan 1

Pada masa ini, mata pelajaran Sejarah bukan lagi suatu mata pelajaran yang asing kepada murid-murid. Sejak sekolah rendah, mereka sudah mempelajari mata pelajaran ini. Tambahan pula, mata pelajaran Sejarah telah diwajibkan lulus bagi semua calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mulai tahun 2013. Walau bagaimanapun, terdapat murid yang beranggapan bahawa Sejarah merupakan suatu mata pelajaran yang susah dan membosankan. Semasa pengajaran, guru mungkin menggunakan kaedah pengajaran tradisional seperti membaca nota atau hafalan fakta, tanpa melibatkan murid secara interaktif.

Mata pelajaran Sejarah sering dikaitkan dengan keperluan untuk menghafal fakta yang banyak seperti tarikh, nama dan peristiwa menyebabkan subjek ini dianggap membebankan. Keadaan ini bertambah parah apabila sesetengah murid berpendapat bahawa Sejarah tidak mempunyai kaitan langsung dengan kehidupan atau masa depan mereka, lalu menganggapnya tidak penting. Selain itu, penilaian Sejarah yang terlalu berfokus pada penulisan esei atau fakta sering menimbulkan tekanan kepada murid yang tidak mahir dalam teknik menjawab soalan. Tambahan pula, ketiadaan lawatan ke tapak sejarah, muzium atau aktiviti praktikal yang dapat memberikan pengalaman pembelajaran lebih menarik berkaitan sejarah kepada murid-murid.

Sekiranya dihayati, sejarah mempunyai banyak faedah kerana dapat mengelakkan diri kita daripada mengulangi sesuatu kesilapan. Banyak kesilapan manusia berlaku kerana tidak mengambil iktibar daripada sejarah. Selain itu, sejarah menjadi mekanisme utama dalam pembinaan negara. Martabat sejarah perlu diangkat untuk membentuk keperibadian rakyat. Mata pelajaran Sejarah berperanan sebagai alat untuk mendidik rakyat agar menyayangi negara yang tercinta ini. Dalam hal ini, pengetahuan sejarah khususnya sejarah kebangsaan akan membolehkan sesuatu bangsa, terutamanya generasi muda menjadi lebih prihatin terhadap bangsa dan pembangunan negaranya.

Melalui sejarah, rakyat akan lebih memahami bahawa terdapat perlembagaan dan undang-undang dalam pembentukan negara ini, Oleh yang demikian, mereka tidak akan bertindak sesuka hati dalam melakukan sesuatu perkara. Penghayatan terhadap sejarah juga dapat membentuk semangat patriotisme. Hal ini dikatakan demikian kerana pengetahuan tentang sejarah dapat melahirkan rasa bangga terhadap negara. Mata pelajaran Sejarah mendedahkan jasa-jasa tokoh-tokoh pejuang tanah air kepada murid. Mereka akan mengenali perjuangan tokoh yang menentang penjajah yang menindas rakyat di negara ini suatu ketika dahulu.

Dipetik dan diubah suai daripada
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4
Kementerian Pendidikan Malaysia

[Lihat halaman sebelah

Bahan 2**Kepentingan Sejarah**

Sejarah cerminan masa lalu,
Warisan bangsa yang kita tahu,
Menjulung tinggi maruah dan nilai,
Agar jati diri tidak terabai.

Dari lembaran penuh hikmah,
Perjuangan leluhur, penuh darah,
Menentang musuh, meraih merdeka,
Sejarah tunjang, bangsa berjaya.

Melalui sejarah kita belajar,
Kesilapan lampau, usah disamar,
Pengajaran berharga jadi pedoman,
Masa depan cerah jadi harapan.

Sejarah itu akar kehidupan,
Menghubung masa kini dan zaman silam,
Tanpa mengenal asal dan cerita,
Hilanglah jiwa, kaburlah kita.

Hargailah sejarah, jangan alpa,
Penuhi jiwa dengan cinta negara,
Bersama kita memupuk kesedaran,
Agar sejarah terus dikenang zaman.

Sumber : Internet

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT



KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025

BAHASA MELAYU

1103/3

Kertas 3

Masa : Individu : 3 – 5 minit

Kumpulan : 12 – 15 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Bahagian A perlu dijawab secara **individu** dan Bahagian B dijawab secara perbincangan dalam **kumpulan** yang merangkumi 3–5 orang calon.*
3. *Masa yang diperuntukkan untuk menjawab Bahagian A ialah 3 hingga 5 minit, manakala masa yang diperuntukkan untuk menjawab Bahagian B ialah 12 hingga 15 minit.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

Bahagian A : Taksiran Individu

[40 markah]

[Masa : 3 hingga 5 minit]

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

TEMA : PERTANIAN, PERTERNAKAN DAN PERIKANAN**Semerah Rozel**



Pokok rozel atau nama saintifiknya *Hibiscus sabdariffa* merupakan sejenis tanaman renek yang berasal dari Afrika Barat dan merupakan tumbuhan industri dalam keluarga *malvaceae*. Di Malaysia, rozel ditanam secara komersial di kawasan Pantai Timur terutama di Kelantan dan Terengganu. Rozel juga dikenali sebagai 'asam raya' atau 'asam susur' dalam kalangan masyarakat tempatan.

Kajian saintifik menunjukkan rozel amat kaya dengan khasiat dan nilai perubatan yang tinggi. Ekstrak rozel mengandungi vitamin C yang berfungsi sebagai antioksidan. Antara manfaat rozel ialah dapat melancarkan peredaran darah, mencegah penyakit jantung dan mengubat asma. Rozel yang dijadikan sebagai minuman juga membantu menghaluskan kulit, meningkatkan stamina tubuh dan mengubati insomnia serta mencergaskan minda seseorang.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Tanam Rozel Sampai Jadi'
<https://agromalaysia.my/2020/10/18/tanam-roselle-sampai-jadi/>

Bahagian B : Taksiran Kumpulan

[30 markah]

[Masa : 12 hingga 15 minit]

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, bincangkan dalam kumpulan mengenai bahan rangsangan tersebut.

TEMA : KESIHATAN DAN KEBERSIHAN

Pelbagai langkah boleh dilakukan oleh setiap individu bagi menjaga kebersihan diri supaya bebas daripada penyakit yang boleh mengancam nyawa.

Bincangkan.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT



**KERTAS MODEL
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025**

BAHASA MELAYU

1103/4

Kertas 4

30 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi empat petikan.*
2. *Anda dikehendaki menjawab semua soalan yang diberikan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 6 halaman bercetak.



UJIAN MENDENGAR

[30 markah]

PETIKAN PERTAMA : PETIKAN PIDATO

[7 markah]

Arahan :

Dengar petikan pidato ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang diberikan.

1. Anda diberikan masa 30 saat untuk menyemak jawapan.
2. Petikan pidato akan dibaca sekali lagi.
3. Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan (kali kedua).
4. Dengar maklumat berikut dengan teliti.

Petikan yang sama diperdengarkan.

Anda diberi masa 30 saat untuk menyemak jawapan.

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan pidato yang diperdengarkan.

Bulatkan jawapan yang betul bagi **Soalan 1**.

1. Pemidato telah menyampaikan kata alu-aluan kepada pendengar seperti berikut, **KECUALI**
- | | |
|--|---|
| <p>A ibu bapa yang dikasihi.</p> <p>B para hakim yang bijaksana.</p> | <p>C tuan pengetua.</p> <p>D guru-guru.</p> |
|--|---|

[1 markah]

2. Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul dan (✗) bagi pernyataan yang salah.

| | | |
|-------|---|--|
| (i) | Bilik darjah bermaksud bilik atau tempat untuk melakukan eksperimen. | |
| (ii) | Masa hadapan pula merujuk gambaran tentang kehidupan kita pada masa akan datang. | |
| (iii) | Pengajaran berkesan pula bermaksud proses terancang yang menyediakan dan mewujudkan suasana yang sihat bagi menggalakkan murid untuk terus belajar. | |

[2 markah]


3. Pemidato mengatakan bahawa bilik darjah bukan lagi bilik empat segi yang statik dengan perabot sahaja sebaliknya dilengkapi peralatan seperti:

(i): _____

(ii): _____

[2 markah]

4. Lengkapkan rajah di bawah dengan maklumat berkaitan teknologi papan pintar.



[1 markah]

5. Perubahan yang diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran diharapkan dapat melahirkan rakyat Malaysia yang berpengetahuan dan _____ dalam penggunaan teknologi terkini.

[1 markah]

PETIKAN KEDUA : PETIKAN DIALOG

[7 markah]



Arahan :

Dengar petikan dialog ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang diberikan.

1. *Anda diberikan masa 30 saat untuk menyemak jawapan.*
2. *Petikan dialog akan dibaca sekali lagi.*
3. *Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan (kali kedua).*
4. *Dengar maklumat berikut dengan teliti.*

Petikan yang sama diperdengarkan.

Anda diberi masa 30 saat untuk menyemak jawapan.

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan dialog yang diperdengarkan.

- 1 Berdasarkan petikan dialog, berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan untuk pendidikan Orang Asli?

[1 markah]

- 2 Tulis **BETUL** atau **SALAH** bagi setiap pernyataan yang berikut.

| | | |
|-------|--|--|
| (i) | Sebanyak 72 orang pelajar melanjutkan pengajian di universiti tempatan. | |
| (ii) | Sebanyak 26 911 orang murid Orang Asli belajar di sekolah rendah. | |
| (iii) | Seramai 14 023 murid Orang Asli mendapat pendidikan di sekolah menengah. | |

[2 markah]

Bulatkan jawapan yang betul bagi Soalan 3.

- 3 Di manakah Kak Wong Siew May berjaya menempatkan diri untuk melanjutkan pelajarannya?

- | | |
|-----------------------------------|---|
| A Sekolah Berasrama Penuh | C Universiti tempatan |
| B Maktab Rendah Sains Mara | D Pusat Intelek Pelajar Orang Asli |

[1 markah]

- 4 Lengkapkan maklumat yang berikut.

Apakah perbezaan yang menyukarkan Kak Eileen untuk menyesuaikan diri ketika mula belajar di Kolej Permata Pintar Negara?

X

Y

(X): _____

(Y): _____

[2 markah]

- 5 Lengkapkan maklumat berkaitan suku kaum orang asli seperti yang diperkatakan oleh Winnie.

Jakun

Jahai

X

Semai

Semiar

(X): _____

[1 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

PETIKAN KETIGA : PETIKAN CERPEN

[8 markah]

**Arahan :**

Dengar petikan cerpen ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang diberikan.

- 1. Anda diberikan masa 30 saat untuk menyemak jawapan.*
- 2. Petikan cerpen akan dibaca sekali lagi.*
- 3. Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan (kali kedua).*
- 4. Dengar maklumat berikut dengan teliti.*

Petikan yang sama diperdengarkan.

Anda diberi masa 30 saat untuk menyemak jawapan.

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan cerpen yang diperdengarkan.

- 1** Kisah aku akhirnya terbeli jaket kulit kijang dari Istanbul ini bermula pada _____
_____ lawatanku ke Turki.

[1 markah]

- 2** Ahli rombongan kami yang seramai _____ dibenarkan pergi membeli-belah di Grand Bazaar yang terletak lebih kurang _____ dari tempat penginapan kami di Hotel Senator.

[2 markah]

Bulatkan jawapan yang betul bagi soalan 3.


- 3** Yang berikut merupakan kawasan bersejarah yang telah dilawati oleh 'aku' sebelum tiba di Istanbul

KECUALI

- A** Pamukkale
- B** Kenya
- C** Cappadocia
- D** Bolu

[1 markah]

4 Lengkapkan maklumat berkaitan panduan berbelanja menurut Encik Yuksel.



[2 markah]

2 Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul dan (✗) bagi pernyataan yang salah.

| | | |
|-------|--|--|
| (i) | Hajah Normah menceritakan bahawa pemandu-pemandu bas berbangsa Turki di Mekah hanya boleh berunding jika diberikan duit. | |
| (ii) | Menurut Hajah Normah lagi, jemaah haji Turki, baik lelaki mahupun perempuan, biasanya bersikap lembut. | |
| (iii) | Mereka suka merempuh jemaah yang lain ketika melakukan tawaf. | |

[2 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

PETIKAN KEEMPAT : PETIKAN RENCANA

[8 markah]



Arahan :

Dengar petikan rencana ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang diberikan.

1. *Anda diberikan masa 30 saat untuk menyemak jawapan.*
2. *Petikan rencana ini akan dibaca sekali lagi.*
3. *Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan (kali kedua).*
4. *Dengar maklumat berikut dengan teliti.*

Petikan yang sama diperdengarkan.

Anda diberi masa 30 saat untuk menyemak jawapan.

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan rencana yang diperdengarkan.

- 1 Di manakah SEAMEO RECSAM berpusat?

[1 markah]

Bulatkan jawapan yang betul bagi Soalan 2 dan 3.

- 2 Bilakah SEAMEO RECSAM ditubuhkan?

- | | |
|--------------|--------------|
| A Tahun 1987 | C Tahun 1976 |
| B Tahun 1957 | D Tahun 1967 |

[1 markah]

- 3 Pilih jawapan yang betul mengenai objektif penganjuran sesuatu aktiviti oleh SEAMEO RECSAM.

- A Merapatkan hubungan antara pelajar dan guru
- B Meningkatkan pendidikan Sains dan Matematik para pelajar
- C Meningkatkan pengetahuan murid dalam bidang sains
- D Menggalakkan murid aktif dalam aktiviti berkumpulan

[1 markah]

- 4 Antara aktiviti yang dijalankan oleh SEAMEO RECSAM ialah:

Bengkel

Lawatan Penanda Aras

[2 markah]

- 5 Kejayaan program SEAMEO RECSAM terbukti apabila sekumpulan _____ tanah air berjaya mengharumkan nama negara.

[1 markah]

- 6 Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul dan (✗) bagi pernyataan yang salah.

| | | |
|-------|---|--|
| (i) | Sekumpulan saintis muda pernah merangkul kemenangan dalam pertandingan yang diadakan dalam Kongres Serantau Mencari Saintis Muda SEAMEO kali ke-11 (SSYS 2018). | |
| (ii) | Saintis muda menyertai pertandingan peringkat Asia pada tahun 2018. | |
| (iii) | Program SEAMEO Science Olympiad 2019 telah berjaya menarik minat pelajar untuk menjadi saintis. | |

[2 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT